



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS : DSB3173
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Lengkapkan carta di bawah.



(6 markah)

2. Kelaskan jenis kerja – kerja binaan berikut mengikut kesesuaian kategori subkontraktor ke dalam Jadual 1.


Penanaman cerucuk	Kemasan lantai	Pemasangan paip
Pemasangan siling	Lif dan eskalator	Penyaman udara
Sistem sanitasi	Bekalan elektrik	Longkang
Pencegahan kebakaran	Pembinaan pagar	Melepa dinding

SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN	SUBKONTRAKTOR DOMESTIK
a)	a)
b)	b)
c)	c)
d)	d)
e)	e)
f)	f)

Jadual 1 : Kerja Binaan Mengikut Jenis Subkontraktor

(12 markah)

3. Lengkapkan dua(2) komponen utama dalam pengurusan projek.



(2 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Nyatakan **tiga (3)** kepentingan pengurusan projek.
(3 markah)

2. Terangkan maksud:
 - a) Projek (3 markah)
 - b) Pengurusan projek (3 markah)

3. Nyatakan **tiga (3)** kelebihan tender terbuka dalam proses perolehan projek.
(3 markah)

4. Apakah **empat (4)** perkara yang dinyatakan dalam pengiklanan tender atau tawaran terbuka melalui media cetak?
(4 markah)

5. Terangkan dokumen dalam proses menender berikut:
 - a) Naskhah meja (2 markah)
 - b) Borang tawaran (2 markah)
 - c) Penentuan kerja (2 markah)

6. Senaraikan **dua (2)** kelemahan dalam pengurusan projek pembinaan yang sering berlaku dalam peringkat berikut:
 - a) Peringkat pembinaan (2 markah)
 - b) Peringkat penyiapan dan penyerahan (2 markah)

7. Nyatakan **empat (4)** faktor kejayaan bagi sesebuah projek pembinaan.
(4 markah)

8. Senaraikan **empat (4)** data yang perlu dikumpulkan dalam pengawalan dan pemantauan projek pembinaan.
(4 markah)

9. Nyatakan **tiga (3)** kebaikan daripada sebuah organisasi yang berkesan.
(3 markah)
10. Jelaskan **satu (1)** teknik latihan yang dilakukan dalam mempertingkatkan produktiviti dan motivasi pekerja.
(3 markah)

[40 MARKAH]



BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti (Immediately Preceding Activity)
A	Merekabentuk	4	-
B	Pengendalian kerja awalan	3	A
C	Kerja-kerja tanah	5	B
D	Kerja-kerja asas	4	B
E	Pembinaan rangka struktur	6	C,D
F	Penyiapan	7	E

Jadual 2 : Urutan Aktiviti Pembinaan Dan Tempoh

- a) Berpandukan **Jadual 2** di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan. (6 markah)
- b) Berdasarkan **Jadual 2** di atas, lakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan Kaedah Laluan Kritikal /CPM (*Critical Path Method*). (12 markah)
- c) Berdasarkan rajah jaringan di atas, nyatakan:
- Laluan kritikal (1 markah)
 - Tempoh apungan (1 markah)

SOALAN 2

Syarikat Pembinaan Mampan mendapat kontrak untuk memasang 6 batang tiang lampu di sebuah taman perumahan. Tempoh penyediaan pemasangan kesemua tiang tersebut adalah 6 minggu. Kos pemasangan bagi setiap tiang adalah RM 200 per unit. Walau bagaimanapun, sehingga akhir minggu ketiga, Syarikat Pembinaan Mampan hanya berjaya menanam 2 batang tiang sahaja dan telah membelanjakan sebanyak RM 700.

- a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan kelok S dan lakarkan bentuk kelok S yang memenuhi syarat 1/3 bahagian peringkat awal projek, 1/3 bahagian peringkat pertengahan projek, dan 1/3 bahagian peringkat akhir projek.

(6 markah)



- b) Binakan kelok S/ *S-Curve* bagi kerja pemasangan tiang lampu oleh Syarikat Pembinaan Mampan.

(8 markah)

- c) Hitungkan Varian Jadual/ *Schedule Variance (SV)* dan Varian Kos/ *Cost Variance (CV)* bagi kerja yang telah dilakukan oleh Syarikat Pembinaan Mampan.

(6 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT